

YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

TEMPOH PERMOHONAN

- Permohonan Pinjaman Pendidikan boleh dibuat secara talian di laman web www.yink.gov.my (akan dibuka pada waktu permohonan pinjaman diiklankan sahaja)
- Makluman berkaitan iklan permohonan akan dimaklumkan melalui Kulliyyah/Portal Pelajar.

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- i. Anak Negeri Kedah Darul Aman seperti takrif berikut :
 - a) Beragama Islam
 - b) Pemohon atau ibu bapa yang dilahirkan di Negeri Kedah Darul Aman
 - c) Pemohon atau ibu bapa lahir di luar Negeri Kedah dan telah bermastautin/menetap di Negeri Kedah melebihi dari sepuluh (10) tahun hendaklah mengemukakan surat pengesahan pemastautin daripada Pegawai Daerah/Penghulu Mukim bersama pengesahan Imam Kariah;
 - d) Tidak mendapat sebarang tajaan daripada mana-mana pihak;

SENARAI PROGRAM/PERINGKAT PENGAJIAN YANG DITAWARKAN PINJAMAN

1. IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN DAN IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN (MBBS)
 - i. Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon
 - ii. Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Kimia, Fizik dan Biologi
2. DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN
 - i. Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat **kepujian** dalam matapelajaran berikut: Mathematic/Additional Mathematics
 - iii. Mendapat sekurang kurangnya PNGK 3.30 pada peringkat Matrikulasi/Asasi.

KADAR/JUMLAH PINJAMAN YANG DITAWARKAN

1. MBBS – RM50,000.00 SETAHUN
2. DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN – RM10,000.00 SETAHUN

CARA PERMOHONAN

- Permohonan Pinjaman Pendidikan boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi YINK secara talian di laman sesawang www.yink.gov.my atau menerusi [Google Drive](#) - (Pinjaman Pendidikan) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pihak YINK.
- Permohonan yang telah diisi hendaklah dicetak (<http://spmbnet.com/yinkpinjamanonline>) dan dihantar ke Yayasan Islam Negeri Kedah, No. 56A, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar, Kedah (mengikut tempoh yang telah ditetapkan) beserta salinan sijil dan dokumen yang telah disahkan. Hanya calon yang layak akan dipanggil temuduga.

*(Sumber Rujukan : Iklan Permohonan Pinjaman Pendidikan Yayasan Islam Negeri Kedah)
(Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada polisi dari semasa ke semasa pihak Penaja)*